

Jepun disyor tubuh universiti di Malaysia

WM 13 JAN 2005

KUALA LUMPUR 12 Jan. — Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mencadangkan supaya Jepun menubuhkan universiti di negara ini bagi membolehkan lebih ramai pelajar Malaysia mendapatkan pendidikan dari negara matahari terbit itu.

Ini, katanya, kerana kos untuk menghantar pelajar ke Jepun adalah tinggi dan dengan menubuhkan universitinya di sini, ia akan mengurangkan kos selain memberikan faedah kepada negara-negara membangun yang lain.

“Saya telah meminta supaya orang Jepun mempertimbangkan cadangan itu dan jika mereka bersetuju, mereka boleh menubuhkan universiti yang menggunakan konsep negara berkenaan sepenuhnya.

“Ini bermakna universiti itu akan menggunakan bahasa Jepun, dimiliki oleh orang Jepun dan dalam masa yang sama mempraktikkan sepenuhnya kebudayaan negara itu,” katanya.

Bekerja keras

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan Yayasan Persatuan Alumni Dasar Pandang Ke Timur (ALEPS) di sini, malam ini.

Hadir sama ialah Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali, Duta Jepun ke Malaysia, Tadashi Imai dan Presiden ALEPS, Za'ba Youn.

Pada majlis berkenaan, Dr. Mahathir turut menyampaikan sumbangan untuk Tabung Bencana Tsunami Malaysia bernilai RM5,000 daripada ALEPS.

Bekas Perdana Menteri berkata, pelajar Malaysia yang menuntut di Jepun didapati

lebih berdedikasi dan sanggup bekerja keras untuk berkhidmat kepada negara.

“Ini berbeza dengan pelajar yang menun-

tut di AS dan Eropah kerana ada antara mereka yang tidak menghargainya dan menimbulkan masalah kepada kerajaan,” katanya.